



**FAKTOR PENDORONG YANG MEMPENGARUHI KEINGINAN
MAHASISWA SEMESTER AKHIR DI FAKULTI PENGURUSAN DAN
EKONOMI, UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS DALAM
MENJALANKAN PERNIAGAAN ATAS TALIAN**

NUR FATIN FARHANA BINTI MUSTAFA



**KERTAS PROJEK YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN
PENGURUSAN PERNIAGAAN**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2019





PENGAKUAN

Saya akui ini ialah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

.....
Tarikh

.....
NUR FATIN FARHANA BINTI MUSTAFA



D20161074172





PENGHARGAAN

Alhamdulillah dan syukur ke hadrat Allah SWT yang telah memberikan limpahan rahmat dan kurnia-Nya sehingga penyelidik dapat menyelesaikan kajian ini dengan sempurna, walaupun penyelidik terpaksa menghadapi pelbagai kesukaran dan masalah. Saya juga ingin memanjatkan kesyukuran kerana laporan Projek Tahun Akhir Ijazah Sarjana Muda ini dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

Ucapan ribuan terima kasih kepada Puan Suzyanty Binti Mohd Shokory sebagai penyelia yang telah banyak memberi bimbingan, tunjuk ajar, teguran dan motivasi sehingga projek ini telah menjadi layak dan sempurna. Selain itu, ribuan terima kasih juga diucapkan kepada penyelia yang telah memberikan ilmu yang tak bernilai kepada saya dalam menyiapkan projek ini dalam tempoh yang ditetapkan.

Teristimewa untuk ibunda saya yang tercinta serta ahli keluarga yang disayangi yang tidak putus memberi sokongan dan dorongan serta iringan doa restu daripada mereka. Terima kasih kepada ibunda saya yang sentiasa memberi semangat dan motivasi kepada saya untuk menyiapkan projek ini. Kepada keluarga tercinta yang selalu memberi sokongan dan motivasi yang kalian berikan dalam memastikan saya dapat menyiapkan projek ini.

Selain itu, ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada responden yang telah banyak membantu dan bekerjasama dalam memudahkan proses pengumpulan data bagi memperolehi data yang menepati keperluan projek ini. Serta terima kasih yang tidak terhingga kepada sahabat-sahabat seperjuangan yang sentiasa memberi sokongan, motivasi dan saranan dalam penyelesaian projek ini. Semoga jasa dan budi yang telah diberikan akan dibalas oleh Allah SWT yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Nur Fatin Farhana Binti Mustafa
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900, Tanjung Malim, Perak.





ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji faktor pendorong yang mempengaruhi keinginan mahasiswa semester akhir di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi(FPE), Universiti Pendidikan Sultan Idris(UPSI) dalam menjalankan perniagaan atas talian. Pendekatan kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan sampel melibatkan 113 orang mahasiswa semester akhir FPE, UPSI sebagai responden kajian. Sampel kajian dipilih dengan menggunakan teknik kaedah pensampelan rawak mudah. Pengutipan data dilakukan dengan menggunakan borang soal selidik dan disebarikan melalui atas talian menggunakan *google form*. Data kajian dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) melibatkan analisis deskriptif (frekuensi, min, dan sisihan piawai) dan inferensi (ujian kolerasi pearson dan ujian t-test). Dapatan kajian menunjukkan faktor pendorong yang paling dominan dalam mempengaruhi keinginan mahasiswa semester akhir FPE, UPSI dalam menjalankan perniagaan atas talian ialah faktor minat diikuti dengan faktor sumber dorongan dan faktor kecenderungan personal. Selain itu, analisis kajian turut mendapati tiada perbezaan yang signifikan bagi faktor minat, faktor sumber dorongan, faktor kecenderungan personal, faktor kewangan dan faktor pengetahuan dalam menjalankan perniagaan atas talian berdasarkan jantina mahasiswa FPE, UPSI. Dapatan kajian yang seterusnya membuktikan bahawa terdapat hubungan signifikan di antara faktor-faktor dorongan itu sesama sendiri. Daripada kajian ini, boleh disimpulkan bahawa faktor minat menjadi pilihan utama dalam mempengaruhi keinginan mahasiswa di FPE, UPSI dalam menjalankan perniagaan atas talian.





ABSTRACT

The purpose of the study is examine the personal preference factors that influence the aspirations among final semester students in the Faculty of Management and Economics (FPE), University Pendidikan Sultan Idris (UPSI) in conducting online business. Sampling method survey has been used in quantitative approach which involved 113 participants among final semester students in FPE, UPSI. The random sampling method has been conducted to select participants randomly. Data collection was done by using questionnaires and distributed online through google form. Statistical Package for Social Science (SPSS) software was the method to analyse data that involved descriptive analysis (frequency, mean, and standard deviation) and inference (correlation Pearson and t-test). The findings showed that the most dominant preference factor that influencing FPE final semester students, UPSI in conducting online business is the factor of interest followed by the factor of source encouragement and personal tendency factors. In addition, the analysis also found no significant differences in factors of interest, factor source of encouragement, personal tendency factors, financial factors and knowledge factors in conducting online business based on gender FPE's final year student, UPSI. The findings of the study further proved that there was a significant relationship between the factors itself. From this study, it can be concluded that the factor of interest was the main choice that influence the students of FPE, UPSI in conducting online business.





KANDUNGAN

Muka Surat

HALAMAN JUDUL

PENGAKUAN

ii

PENGHARGAAN

iii

ABSTRAK

iv

ABSTRACT

v

KANDUNGAN

vi

SENARAI JADUAL

ix

SENARAI RAJAH

xii

SENARAI SINGKATAN

xiii



BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Pernyataan Masalah	5
1.4	Objektif Kajian	7
1.5	Persoalan Kajian	7
1.6	Hipotesis Kajian	8
1.7	Kepentingan Kajian	9
1.8	Batasan Kajian	10
1.9	Kerangka Konseptual	11
1.10	Definisi Istilah dan Operasional	12
1.10.1	Perniagaan Atas Talian	12
1.10.2	Dorongan	12
1.10.3	Mahasiswa	13
1.10.4	Minat	13





1.10.5	Sumber dorongan	13
1.10.6	Kecenderungan personal	13
1.10.7	Kewangan	14
1.10.8	Pengetahuan	14
1.11	Rumusan	14

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	16
2.2	Perniagaan Atas Talian	17
2.3	Keusahawanan Digital	18
2.4	Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar	18
2.5	Model Proses Pembentukan Usahawan	20
2.6	Kajian-Kajian Lepas	20
2.7	Kesimpulan	24

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	25
3.2	Reka Bentuk Kajian	25
3.3	Populasi dan Persampelan	26
3.4	Instrumen Kajian	27
3.4.1	Borang Soal Selidik	27
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	33
3.6	Kebolehpercayaan dan Kesahan	33
3.7	Kajian Rintis	35
3.8	Kaedah Analisis Data	36
3.8.1	Frekuensi	36





3.8.2	Min dan Sisihan Piawaian	36
3.8.3	Kolerasi Pearson	37
3.8.4	Ujian T (T-Test)	38
3.9	Kesimpulan	41

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	42
4.2	Latar Belakang Responden	43
4.3	Analisis Berdasarkan Persoalan Kajian Pertama	46
4.4	Analisis Berdasarkan Persoalan Kajian Kedua	54
4.5	Analisis Berdasarkan Persoalan Kajian Ketiga	55
4.6	Analisis Berdasarkan Persoalan Kajian Keempat	58
4.7	Kesimpulan	64

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	66
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	66
5.2.1	Soalan Kajian Pertama	67
5.2.2	Soalan Kajian Kedua	67
5.2.3	Soalan Kajian Ketiga	68
5.2.4	Soalan Kajian Keempat	70
5.3	Implikasi Kajian	72
5.4	Cadangan Kajian Pada Masa Hadapan	73
5.5	Kesimpulan	74





RUJUKAN	75
LAMPIRAN A (Borang Soal Selidik)	79
LAMPIRAN B (Data Pelajar Tahun Akhir FPE, UPSI)	87
LAMPIRAN C (Output SPSS yang berkaitan)	88



**SENARAI JADUAL**

No. Jadual	Tajuk	Muka Surat
3.1	Jadual Populasi Krejcie dan Morgan	25
3.2	Bahagian A (Maklumat Demografi)	28
3.3	Soal Selidik Bahagian B (Minat)	29
3.4	Soal Selidik Bahagian C (Sumber Dorongan)	30
3.5	Soal Selidik Bahagian D (Kecenderungan Personal)	30
3.6	Soal Selidik Bahagian E (Kewangan)	30
3.7	Soal Selidik Bahagian F (Pengetahuan)	31
3.8	Penggunaan Skala Likert 5 Mata	31
3.9	Alfa Cronbach Dalam Instrumen Kajian	33
3.10	Analisis Alfa Cronbach Dalam Kajian Rintis	35
3.11	Interpretasi Min Jawapan Mengikut Skala	36
3.12	Kekuatan Hubungan Nilai Kolerasi	36
3.13	Jadual Pengujian Berdasarkan Jantina Responden	37
4.1	Bahagian A (Maklumat Demografi Responden)	43
4.2	Min bagi Faktor Minat dalam Perniagaan Atas Talian	47
4.3	Min bagi Faktor Sumber Dorongan dalam Perniagaan Atas Talian	48
4.4	Min bagi Faktor Kecenderungan Personal dalam Perniagaan Atas Talian	50
4.5	Min bagi Faktor Kewangan dalam Perniagaan Atas Talian	51
4.6	Min bagi Faktor Pengetahuan dalam Perniagaan Atas Talian	53
4.7	Analisis Mengikut Faktor-faktor yang Paling Dominan	54
4.8	Analisis Kolerasi Pearson Antara Faktor Pendorong yang	55



Mempengaruhi Mahasiswa Semester Akhir FPE, UPSI dalam Menjalankan Perniagaan Atas Talian

4.9	Hipotesis bagi Persoalan Kajian yang Ketiga	56
4.10	Analisis Perbezaan Faktor Minat Dalam Menjalankan Perniagaan Atas Talian Berdasarkan Jantina	58
4.11	Analisis Perbezaan Faktor Sumber Dorongan Dalam Menjalankan Perniagaan Atas Talian Berdasarkan Jantina	59
4.12	Analisis Perbezaan Faktor Kecenderang Personal Dalam Menjalankan Perniagaan Atas Talian Berdasarkan Jantina	60
4.13	Analisis Perbezaan Faktor Kewangan Dalam Menjalankan Perniagaan Atas Talian Berdasarkan Jantina	61
4.14	Analisis Perbezaan Faktor Pengetahuan Dalam Menjalankan Perniagaan Atas Talian Berdasarkan Jantina	62
4.15	Pengujian Hipotesis Secara Keseluruhan	64



SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.1	Kerangka Kajian	11
1.2	Model Pembentukan Usahawan	20



SENARAI SINGKATAN

Singkatan

FPE	Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
SAQ	<i>Self-administered Questionnaires</i>
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Perniagaan merupakan aktiviti pengeluaran dan penjualan barang atau perkhidmatan yang dikehendaki oleh pengguna bagi tujuan untuk mendapatkan keuntungan. Memulakan sesuatu perniagaan adalah sangat mencabar dan memerlukan modal yang sangat besar. Menurut Shanthi Subranmani (2008), perniagaan pada masa kini sangat mencabar dan memerlukan kecekapan yang tinggi dalam pengurusan, kreativiti dan inovasi usahawan. Berdasarkan daripada pernyataan berikut, ianya jelas bahawa perniagaan bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan kerana memerlukan pengurusan, kreativiti dan inovasi usahawan ke aras yang lebih tinggi.

Menurut Sabawan, Faizatul dan Siti Fatimah (2016), perniagaan atas talian bermaksud menghubungkan sistem perniagaan terus kepada pelanggan, pekerja dan pembekal melalui intranet, extranet, dan world website tanpa mengira tempat dan jenis perniagaan yang dilaksanakan. Perniagaan yang dijalankan secara atas talian dikenali sebagai e-business, e-dagang atau perniagaan internet. Revolusi penggunaan internet dalam kalangan masyarakat sekarang telah memberi impak yang sangat besar dalam bidang keusahawanan dan perniagaan di seluruh dunia.

Kesan kewujudan internet ini telah membolehkan perniagaan atas talian dilaksanakan dengan mudah tanpa memerlukan modal yang tinggi. Menurut Plowlight (2004), *“One of the greatest advantages of the Internet is that you can start a business with very little capital, test the waters and allow the business to grow.”* (hlm.19). Berdasarkan pandangan yang dikemukakan oleh Plowlight (2004), perniagaan atas talian adalah satu landasan bagi pihak mempunyai modal yang kecil dalam memulakan sesebuah perniagaan. Pada masa kini juga sudah ramai usahawan yang mula bertapak dan memulakan perniagaan mereka dengan hanya memperkenalkan dan menjual produk mereka hanya melalui atas talian (Norazila, Nurmaizura, Jamsari & Nur Atiqah, 2016).

Menurut laporan berita The Star, 1 Ogos 2017 yang diberitahu melalui persidangan Dewan Rakyat, perniagaan dalam talian berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah mencatatkan sebanyak 53,285 peniaga atas talian. Kecanggihan teknologi pada masa kini telah membuatkan ramai masyarakat mengambil peluang untuk memperkembangkan perniagaan mereka melalui atas talian. Internet telah menjadi satu alat bagi sesebuah perniagaan kerana tidak memerlukan kos yang tinggi berbanding dengan perniagaan secara langsung. Pernyataan tersebut disokong oleh Shahizam (2006) yang menyatakan bahawa perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi khususnya Internet telah banyak menyumbang dalam kemajuan bidang perniagaan. Kegunaan Internet yang paling utama adalah sebagai satu landasan kepada entiti perniagaan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan tanpa halangan kos, masa dan tempat.

Maka tidak hairanlah, pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) juga turut terlibat dengan perniagaan atas talian kerana ia hanya memerlukan modal yang rendah dan menarik minat pelajar menceburi dalam bidang keusahawanan. Bidang keusahawanan dapat dijadikan sebagai pekerjaan sampingan kepada pelajar dan dapat memberikan peluang yang cerah dalam menjana pendapatan mereka. Hal ini juga dapat menyelesaikan masalah kewangan yang dihadapi oleh pelajar sepanjang pengajian di Institut Pengajian Tinggi. Pernyataan ini disokong oleh Nor Rosmahwati, Farah dan Nurza (2017) dengan menyatakan bahawa pelajar mempunyai pengetahuan khusus mengenai medium yang dipilih supaya lebih mudah untuk diadaptasi



pengetahuan asas yang sedia ada dalam menyelesaikan masalah kewangan dan memupuk minat serta menimba pengalaman sebagai usahawan perniagaan atas talian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Perniagaan atas talian semakin berkembang maju dalam kalangan masyarakat pada hari ini. Nor Rosmahwati, Farah dan Nurza (2017), perniagaan atas talian menjadi satu trend yang masyhur kerana mudah dan menjimatkan masa. Dari aspek penglibatan pelajar dalam perniagaan atas talian, pelajar juga turut mengambil peluang untuk menceburi bidang ini kerana ia dapat memberi impak yang positif kepada mereka sendiri. Namun begitu, masalah yang sering dihadapi oleh pelajar dalam bidang perniagaan ini adalah kurang keyakinan dan tidak berani mengambil risiko. Pernyataan tersebut disokong oleh Alstete (2002) menyatakan setiap usahawan selalu berhadapan dengan halangan apabila memulakan dan menjalankan perniagaan mereka.

Fokus utama dalam kajian ini adalah ingin mengetahui faktor-faktor dorongan pelajar melibatkan diri dalam perniagaan atas talian. Kemudahan untuk mendapatkan pelanggan melalui perniagaan atas talian ini telah menyebabkan ramai masyarakat terlibat untuk melakukan perniagaan atas talian termasuklah pelajar IPT. Pada zaman kini, masyarakat lebih gemar membeli barangan secara atas talian berbanding membeli barangan secara langsung dari kedai kerana lebih jimat masa dan tenaga. Pernyataan itu disokong oleh Nor Rosmahwati, Farah dan Nurza (2017), menyatakan bahawa pembelian atas talian dipilih sebagai langkah mudah kerana dapat menjimatkan masa dan tidak perlu beratur panjang untuk membeli sesuatu barangan.

Antara platform yang sering digunakan menjual barangan atas talian ini adalah melalui saluran seperti media social (facebook, twitter, instagram), laman sesawang (web) dan ada juga barangan yang diiklankan di blog individu atau kumpulan tertentu. Dengan kemudahan teknologi pada zaman kini sangat memudahkan para peniaga atas talian mendapatkan pelanggan kerana dengan adanya internet, semua benda boleh dicapai hanya di hujung jari. Menurut Laporan Ekonomi 2013/2014, rakyat Malaysia banyak menghabiskan masa mereka dengan melayari internet berbanding media lain seperti radio, televisyen dan suratkhbar. Laporan juga menunjukkan bahawa lebih



daripada 11.8 juta rakyat Malaysia dianggarkan mempunyai akaun Facebook dan lebih 80 peratus mereka melayari internet untuk mengakses Facebook. Ini menunjukkan bahawa perniagaan atas talian adalah satu platform yang sangat berkesan kepada individu yang baru atau ingin memulakan perniagaan terutama sekali kepada pelajar yang ingin mencebur dalam bidang ini.

Keinginan pelajar untuk menceburi dalam bidang perniagaan atas talian ini juga adalah didorong oleh masalah kewangan mereka sendiri ketika pengajian mereka di IPT. Menurut laporan daripada Salwani, 18 Mei 2016, melalui portal sinarharian.com, artikel yang bertajuk Mahasiswa niaga online, melaporkan bahawa pelajar institut pengajian tinggi memang sering menghadapi masalah kewangan. Setiap semester, pelajar memerlukan peruntukkan yang banyak untuk membayar yuran pengajian semester, yuran kolej kediaman, keperluan asas seperti makanan, pembelian alat tulis, dan keperluan pembelajaran yang lain.

Di Malaysia, bidang keusahawanan ini semakin luas diperkembangkan melalui pendidikan selaras dengan usaha untuk melahirkan ramai usahawan dalam kalangan belia dan menjadikan usahawan diantara bidang kerjaya yang diminati (Shahrin dan Norsila 2007). Semangat untuk menjadi usahawan perlu ditanam dalam hati nurani generasi muda kerana mereka perlu sedar mereka adalah generasi yang diharapkan untuk mengubah budaya dan corak masyarakat melayu yang terlalu bergantung kepada pekerjaan makan gaji seperti bekerja sebagai kakitangan kerajaan. Menurut Norita et al. (2007), IPT telah banyak memainkan peranan dalam membudayakan keusahawanan dalam kalangan pelajar dan menerapkan keusahawanan sebagai salah satu bidang kerjaya. Namun usaha tersebut masih lagi belum dapat dicapai sepenuhnya. Oleh itu, melalui kajian ini, penyelidik ingin mengkaji apakah faktor yang mendorong pelajar ingin melakukan perniagaan atas talian walaupun banyak risiko dan kesulitan yang perlu mereka hadapi.



1.3 Pernyataan Masalah

Secara lazimnya, pelajar sering berhadapan dengan masalah kewangan sepanjang menjalani pengajian di IPT. Hal ini kerana pelajar memerlukan perbelanjaan yang sangat besar untuk mereka melengkapkan keperluan mereka sepanjang berada di IPT. Pernyataan tersebut turut disokong oleh Aisyah dan Wajeeha (2016) menyatakan bahawa mahasiswa menggunakan pembiayaan mereka sama ada pinjaman ataupun biasiswa adalah untuk menampung perbelanjaan seperti yuran pengajian, buku dan bahan ilmiah, perbelanjaan makanan dan minuman, penginapan, pakaian, telekomunikasi dan sebagainya. Oleh kerana itu, ada di kalangan pelajar yang akan membuat kerja sambilan untuk menambah wang saku mereka dan bagi pelajar yang mempunyai kemahiran, mereka akan menyertai perniagaan atas talian dengan menggunakan medium media sosial (Nor Rosmahwati, Farah dan Nurza, 2017).

Menurut Mohd Zulfadli (2009), kajian yang dijalankan di Universiti Teknologi Mara (UTM) mendapati bahawa pelajar berminat dengan perniagaan atas talian, tetapi bilangan yang menjalankan perniagaan atas talian tidak begitu ramai. Hal ini kerana mereka menyatakan bahawa mereka kurang pengetahuan untuk menceburi bidang perniagaan atas talian ini. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengkaji apakah faktor yang menyebabkan pelajar ingin dan berminat untuk terlibat dalam perniagaan atas talian. Menjalankan perniagaan atas talian ini juga mencabar dan memerlukan pengetahuan asas berkaitan dengan perniagaan. Nor Rosmahwati, Farah dan Nurza (2017), menyatakan, untuk memulakan sesuatu perniagaan, pemilik tidak memerlukan kepakaran yang mendalam tentang perniagaan, tetapi cukup dengan hanya mengetahui asas perniagaan dan selebihnya adalah datang daripada kreativiti dan usaha pemilik itu sendiri. Selain itu, jaringan sosial melalui Internet seperti blog, facebook, instagram wujud daripada kehendak pemilik itu sendiri untuk menggiatkan diri mereka dalam bidang perniagaan ini (Siti Ezaleila dan Azizah Hamzah, 2011)

IPT juga turut memainkan peranan yang penting dalam memperkembangkan pengetahuan dalam bidang keusahawanan kepada pelajar. Hal ini adalah untuk menarik minat para pelajar dalam bidang keusahawanan. Pernyataan ini boleh dibuktikan melalui Laporan Utusan Malaysia, (2005) yang menyatakan satu usahasama di antara Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad (SME Bank) dengan 17 buah universiti tempatan di bawah Kementerian Pembangunan



Usahawan dan Koperasi telah dijalankan dan menerusi program yang dinamakan Program Inkubator Usahawan Siswazah. Menerusi program ini, siswazah diberi bimbingan dan khidmat nasihat berkaitan dengan jenis perniagaan yang berpotensi untuk mereka ceburi.

Perniagaan atas talian ini dapat memberi peluang yang besar kepada pelajar untuk memulakan sesuatu perniagaan kerana tidak memerlukan modal yang besar, tidak memerlukan kos pengangkutan atau pun kos penyelenggaraan (Norazila et al. 2016). Oleh kerana kos yang rendah ini juga akan memberikan keuntungan yang banyak kepada pelajar yang hanya menjalankan perniagaan atas talian. Walaupun tahap penggunaan dalam e-dagang adalah tinggi, namun peratusan penglibatan mahasiswa dalam perniagaan atas talian masih lagi rendah. Penglibatan seseorang mahasiswa ini pasti didorong oleh beberapa faktor-faktor yang menyebabkan mereka ingin menceburi dalam bidang perniagaan atas talian. Kajian ini dilakukan untuk mengetahui lebih terperinci apakah faktor-faktor yang mendorong mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris melibatkan diri dalam perniagaan atas talian. Kewujudan internet dan sosial media telah memberikan satu peluang yang cerah kepada usahawan-usahawan muda yang baru menceburi dalam bidang perniagaan untuk mempromosikan perniagaan atas talian.

1.4 Objektif Kajian

Objektif bagi kajian ini adalah seperti berikut :

- 1.4.1** Untuk mengenal pasti faktor-faktor dorongan yang mempengaruhi keinginan mahasiswa semester akhir FPE, UPSI dalam menjalankan perniagaan atas talian.
- 1.4.2** Untuk mengenal pasti faktor dorongan yang dominan dalam mempengaruhi keinginan mahasiswa semester akhir FPE, UPSI dalam menjalankan perniagaan atas talian.
- 1.4.3** Untuk menentukan hubungan yang signifikan antara setiap faktor dorongan dalam mempengaruhi keinginan mahasiswa semester akhir FPE, UPSI dalam menjalankan perniagaan atas talian.
- 1.4.4** Untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor-faktor dorongan yang mempengaruhi keinginan untuk menjalankan perniagaan atas talian berdasarkan jantina mahasiswa semester akhir FPE, UPSI.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian adalah seperti berikut :

- 1.5.1** Apakah faktor-faktor dorongan yang mempengaruhi keinginan mahasiswa semester akhir FPE, UPSI dalam menjalankan perniagaan atas talian ?
- 1.5.2** Apakah faktor dorongan dominan yang mempengaruhi keinginan mahasiswa semester akhir FPE, UPSI dalam menjalankan perniagaan atas talian ?
- 1.5.3** Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara setiap faktor dorongan dalam mempengaruhi keinginan mahasiswa semester akhir FPE, UPSI dalam menjalankan perniagaan atas talian ?



1.5.4 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor-faktor dorongan yang mempengaruhi keinginan dalam menjalankan perniagaan atas talian berdasarkan jantina mahasiswa semester akhir FPE, UPSI ?

1.6 Hipotesis Kajian

Di dalam kajian ini terdapat sepuluh hipotesis kajian bagi menjawab persoalan kajian ketiga dan keempat. Terdapat lima hipotesis yang dibina bagi menjawab persoalan kajian ketiga.

H₁ 1a: Terdapat hubungan yang signifikan bagi faktor minat dengan keinginan mahasiswa semester akhir FPE, UPSI dalam menjalankan perniagaan atas talian.

H₁ 1b: Terdapat hubungan yang signifikan bagi faktor sumber dorongan dengan keinginan mahasiswa semester akhir FPE, UPSI dalam menjalankan perniagaan atas talian.

H₁ 1c: Terdapat hubungan yang signifikan bagi faktor kecenderungan personal dengan keinginan mahasiswa semester akhir FPE, UPSI dalam menjalankan perniagaan atas talian.

H₁ 1d: Terdapat hubungan yang signifikan bagi faktor kewangan dengan keinginan mahasiswa semester akhir FPE, UPSI dalam menjalankan perniagaan atas talian.

H₁ 1e: Terdapat hubungan yang signifikan bagi faktor pengetahuan dengan keinginan mahasiswa semester akhir FPE, UPSI dalam menjalankan perniagaan atas talian.



Manakala, lima hipotesis telah dibuat bagi menjawab persoalan kajian yang keempat.

Berikut adalah merupakan hipotesis yang telah dibuat :

H₁ 2a: Terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor minat dalam mempengaruhi keinginan untuk menjalankan perniagaan atas talian berdasarkan jantina mahasiswa semester akhir FPE, UPSI.

H₁ 2b: Terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor sumber dorongan dalam mempengaruhi keinginan untuk menjalankan perniagaan atas talian berdasarkan jantina mahasiswa semester akhir FPE, UPSI.

H₁ 2c: Terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor kecenderungan personal dalam mempengaruhi keinginan untuk menjalankan perniagaan atas talian berdasarkan jantina mahasiswa semester akhir FPE, UPSI.

H₁ 2d: Terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor kewangan dalam mempengaruhi keinginan untuk menjalankan perniagaan atas talian berdasarkan jantina mahasiswa semester akhir FPE, UPSI.

H₁ 2e: Terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor pengetahuan dalam mempengaruhi keinginan untuk menjalankan perniagaan atas talian berdasarkan jantina mahasiswa semester akhir FPE, UPSI.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini memberi kepentingan dan manfaat kepada beberapa pihak iaitu :

a) Golongan mahasiswa

Kajian ini memberi manfaat kepada golongan mahasiswa. Pertama, kajian ini dijalankan bagi mengetahui apakah faktor-faktor dorongan yang mempengaruhi keinginan mahasiswa semester akhir FPE, UPSI. Mengikut kajian ini, terdapat tahap faktor dorongan yang berbeza-beza antara pelajar mengikut persepsi tersendiri.

b) Pihak Institusi Pengajian Tinggi

Hasil kajian ini dapat dimanfaatkan oleh pihak IPT dalam untuk memantapkan lagi program-program keusahawanan yang perlu dijalankan di Universiti serta memperkemaskan penawaran kursus-kursus keusahawanan yang ditawarkan untuk membudayakan amalan keusahawanan dalam kalangan mahasiswa UPSI.

1.8 Batasan Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, penyelidik telah mendapati bahawa terdapat beberapa batasan kajian seperti faktor-faktor dorongan, lokasi kajian, dan sampel kajian. Kajian ini hanya dilakukan di sebuah universiti sahaja. Kekangan yang dihadapi oleh penyelidik menyebabkan kajian hanya tertumpu kepada sebuah sahaja universiti sahaja. Universiti yang dipilih oleh penyelidik adalah Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Selain itu terdapat banyak faktor-faktor dorongan yang mempengaruhi keinginan pelajar dalam perniagaan atas talian. Walau bagaimanapun, penyelidik telah membuat skop yang kecil terhadap faktor-faktor dorongan pelajar dalam perniagaan atas talian. Penyelidik hanya menfokuskan kepada lima faktor sahaja yang mendorong keinginan pelajar dalam perniagaan atas talian iaitu faktor minat, faktor sumber dorongan, faktor kecenderungan personal, faktor kewangan dan faktor pengetahuan.


Dalam kajian ini juga, penyelidik hanya memilih golongan mahasiswa semester akhir dari FPE sebagai sampel kajian. Kekangan masa untuk menjalankan kajian ini menyebabkan penyelidik terbatas untuk memilih sampel yang bersaiz kecil sahaja. Oleh itu kajian ini tidak boleh digunakan untuk mewakili secara keseluruhan pelajar UPSI yang ingin menceburi perniagaan atas talian.

1.9 Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual dibina bagi tujuan untuk memudahkan penyelidik menjalankan kajian dan mengumpul maklumat yang diperlukan. Berdasarkan rajah 1.1 di bawah, dua pemboleh ubah yang bakal diuji iaitu pembolehubah tidak bersandar dan pembolehubah bersandar. Pembolehubah tidak bersandar adalah pemboleh ubah yang boleh mempengaruhi pembolehubah yang lain. Menurut Che Aishah (2015), pembolehubah tidak bersandar ini adalah pembolehubah yang faktornya diukur dan dipilih oleh penyelidik untuk menentukan hubungannya dengan sesuatu. Dalam kajian ini, terdapat lima faktor-faktor pendorong yang mempengaruhi keinginan pelajar dalam perniagaan atas talian.

Manakala, pembolehubah bersandar adalah pembolehubah yang memberi tindak balas ke atas pembolehubah tidak bersandar. Menurut Che Aishah (2015), pembolehubah bersandar adalah pembolehubah yang faktornya diukur untuk menentukan pengaruh disebabkan pembolehubah tidak bersandar. Dalam kajian ini, pembolehubah bersandar adalah golongan mahasiswa semester akhir FPE, UPSI. Faktor-faktor pendorong yang mempengaruhi keinginan pelajar dalam menjalankan perniagaan atas talian adalah faktor minat, faktor sumber dorongan, faktor kecenderungan personal, faktor kewangan dan faktor pengetahuan.

Pemboleh ubah tidak bersandar



Rajah 1.1 : Kerangka Kajian

1.10 Definisi Istilah dan Operasional

Penyelidik telah mendefinisikan istilah mengikut konteks kajian yang dijalankan dengan melibatkan definisi istilah dan operasional. Pernyataan ini disokong oleh Marican (2005), menyatakan definisi operasi menghubungkan konsep kepada sesuatu yang boleh diperhatikan dan dinyatakan dalam bentuk yang boleh diukur dan boleh dimanipulasi. Secara definisi mengikut konteks kajian adalah seperti berikut :

1.10.1 Perniagaan Atas Talian

Perniagaan atas talian adalah merupakan satu mekanisme yang menggunakan internet sebagai satu platform untuk mempromosikan sesuatu perniagaan menerusi sosial media. Menurut Musbri (2011), perniagaan atas talian adalah perniagaan yang menggunakan teknologi maklumat sebagai medium untuk menjalankan sebarang komunikasi dan transaksi dalam pembelian dan penjualan barangan perniagaan. Di dalam konteks kajian ini, mahasiswa semester akhir FPE, UPSI dapat menceburkan diri dalam bidang keusahawanan melalui perniagaan atas talian yang kurang berisiko dan hanya memerlukan modal yang sedikit. Pada era ini, jenis barangan yang sering menjadi tumpuan dan dijual adalah seperti pakaian, kasut, makanan, majalah, dan produk kecantikan. Menurut Akmal Haqim (2017), perniagaan atas talian kurang berisiko berbanding perniagaan konvensional kerana peniaga tidak perlu menanggung perbelanjaan yang banyak seperti menyewa premis, bangunan dan kelengkapan lain.

1.10.2 Dorongan

Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua (2016), dorongan membawa maksud asakan atau galakan kepada melakukan sesuatu perkara. Dalam konteks kajian ini, penyelidik ingin mengkaji apakah dorongan atau asakan yang mempengaruhi keinginan mahasiswa semester akhir FPE, UPSI dalam menjalankan perniagaan atas talian.

1.10.3 Mahasiswa

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2010), maksud mahasiswa adalah pelajar yang menuntut di IPT. Dari segi istilah dan bahasa “Maha” membawa maksud kuasa atau besar manakala “Siswa” membawa maksud sekelompok penuntut atau pelajar. Penyelidik mengkaji permasalahan kajian ini dalam golongan mahasiswa semester akhir, FPE, UPSI.

1.10.4 Minat

Minat bermaksud suatu kecenderungan yang menyebabkan seseorang berusaha untuk mencari sesuatu. Muhammad Atan (2003) menyatakan minat yang mendalam terhadap sesuatu perkara membolehkan seseorang itu lebih bersedia untuk belajar dengan tekun. Di dalam konteks penyelidikan ini adalah minat keusahawanan atau kecenderungan yang digambarkan sebagai motivasi dalam mempengaruhi keinginan menjalankan perniagaan atas talian.

1.10.5 Sumber Dorongan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), mendorong bermaksud memberi galakan. Merujuk kepada kajian ini mendorong merupakan satu perlakuan untuk mempengaruhi pelajar menceburkan diri dalam bidang keusahawanan

1.10.6 Kecenderungan Personal

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), kecenderungan bermaksud kesukaan (keinginan, kemahuan) dan personal adalah merujuk kepada peribadi. Dalam kajian ini kecenderungan personal merupakan minat pelajar dalam menjalankan perniagaan atas talian yang dipengaruhi oleh faktor kemahiran, sikap, pendidikan dan latar belakang keluarga.

1.10.7 Kewangan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, kewangan didefinisikan sebagai alat pertukaran yang mempunyai harga (nilai) tertentu dan diakui sah atau duit. Di dalam konteks kajian ini, kewangan mefokuskan kepada kewangan dalam menjalankan perniagaan atas talian.

1.10.8 Pengetahuan

Abdul Hamid (2004) mendefinisikan pengetahuan adalah suatu peringkat dalam bentuk kebenaran, prinsip dan maklumat. Ia berasal daripada pengalaman lampau dan pengalaman baru sama ada diketahui sendiri atau melalui sumber lain dan digunakan bagi mencapai matlamat yang belum terlaksana. Dalam kajian ini, pengetahuan merujuk kepada pengetahuan mahasiswa FPE, UPSI dalam bidang keusahawanan dan perniagaan atas talian.



1.11 Kesimpulan

Kesimpulannya, penyelidik telah menerangkan mengenai beberapa aspek yang penting iaitu pengenalan, latar belakang masalah, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, kerangka kajian, dan beberapa definisi istilah yang terdapat dalam konteks kajian ini. Dalam bab ini juga, penyelidik kajian telah menerangkan pendedahan awal tentang kajian ini yang mengkaji tentang faktor-faktor dorongan yang mempengaruhi keinginan mahasiswa semester akhir FPE, UPSI.

